JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
(MAQIS)

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PREMIS KUARANTIN IKAN HIDUP

TAHUN 2026

Garis panduan pendaftaran pengisytiharan premis kuarantin ikan hidup ini boleh berubah dari semasa ke semasa tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah selaras dengan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

(MOHAMAD SHAFFIE BIN HASSAN)

Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Tarikh: 23/10/2026

KANDUNGAN

BIL.	BUTIRAN	MUKA SURAT
1.	Pendahuluan	1
2.	Tujuan	1
3.	Tafsiran	1
4.	Carta Alir Proses Permohonan Premis Kuarantin Ikan Hidup	2
5.	Proses Permohonan Premis Kuarantin Ikan Hidup	3 – 4
6.	Lampiran 1 – Senarai Semak Dokumen Permohonan Pengisytiharan Premis Kuarantin Ikan Hidup	5
7.	Lampiran 2 - Borang Pendaftaran Pengisytiharan Premis Ikan Hidup (MKI-01)	6 – 8
8.	Lampiran 3 – Senarai Semak Spesifikasi Premis Kuarantin	9 – 11
9.	Lampiran 4 – Contoh Papan Tanda Bertiang	12 – 13
10.	Lampiran 5 – Contoh Papan Tidak Tanda Bertiang	13 – 14

1. PENDAHULUAN

1.1 Garis panduan bagi permohonan premis kuarantin ikan hidup merupakan pelan sokongan yang perlu dirujuk oleh pemohon sebagai rujukan utama dalam memastikan premis yang dicadangkan memenuhi keperluan yang telah ditetapkan.

1.2 Garis panduan ini dikeluarkan bagi pemohon yang mempunyai premis persendirian untuk dijadikan premis kuarantin ikan hidup.

2. TUJUAN

Garis panduan pendaftaran pengisytiharan premis kuarantin ikan hidup adalah panduan kepada pemohon premis kuarantin untuk memohon pengisytiharan premis kuarantin serta menjalankan aktiviti kuarantin yang tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]. Pendaftaran premis kuarantin adalah satu keperluan bagi memastikan pengimport dan pengeksport melaksanakan langkah-langkah kawalan dan kuarantin untuk mengawal atau mengurangkan sebaran patogen melalui pergerakan ikan hidup.

3. TAFSIRAN

Ikan - Erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perikanan 1985 [Akta 317] termasuk apa-apa hidupan haiwan, atau tumbuhan akautik sama ada sedentari atau tidak dan termasuklah semua spesies ikan bersirip, krustasia, moluska, mamalia akuatik atau telur atau benihnya, anak, fingerling, lokan atau benih moluska tetapi tidak termasuklah mana-mana spesies memerang, penyu atau telurnya;

Premis Kuarantin - Ertinya mana-mana premis yang diisytiharkan oleh Ketua Pengarah dibawah perenggan 9(g);

Pemunya - Berkenaan dengan barang – barang termasuklah penerima konsainan, pemberi konsain, pengimport, pengeksport, dan ejen atau seseorang yang memiliki, atau mempunyai apa – apa kawalan ke atas, atau kuasa melupuskan apa – apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanih, mikroorganisma atau makanan;

Import - Ertinya atau menyebabkan supaya dibawa ke dalam Malaysia melalui darat, laut, perairan pedalaman atau udara apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanih, mikroorganisma atau makanan;

Eksport - Ertinya membawa atau menyebabkan supaya dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut, perairan pedalaman atau udara apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian tanih, mikroorganisam atau makanan;

CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN DAN PENGISYTIHARAN PREMIS KUARANTIN IKAN HIDUP



CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN DAN PENGISYTIHARAN PREMIS KUARANTIN IKAN HIDUP

PROSES KERJA	KETERANGAN
Permohonan Pengisytiharan Premis Kuarantin	Bagi pemohon yang ingin mendapatkan kelulusan premis kuarantin ikan hidup bagi tujuan import atau eksport, pemohon perlu menghantar surat permohonan dan Borang Pendaftaran Pengisytiharan Premis Ikan Hidup (MKI-01) kepada Bahagian Kuarantin, Ibu Pejabat. Pemohon perlu memberikan dokumen yang diperlukan seperti berikut: 1) Maklumat Premis/Syarikat i. Surat rasmi permohonan pengisytiharan premis kuarantin ikan hidup kepada Ketua Pengarah MAQIS ii. Salinan kad pengenalan pemohon (hadapan dan belakang) iii. Salinan sijil pendaftaran syarikat (ROC) - SSM iv. Salinan SSM - Status pemilikan syarikat (masih sah tempoh) v. Salinan dokumen status milikan premis / tanah (geran tanah) (Jika berkaitan) vi. Salinan surat perjanjian sewaan / pajakan premis / tanah yang telah disahkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) vii. Lesen pendudukan sementara (TOL) yang masih aktif (Jika berkaitan) viii. Lesen sistem kultur laut (SKL) yang masih aktif bagi premis sangkar yang diluluskan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) (Jika berkaitan) ix. Surat kelulusan bagi pengimportan induk / benih Udang Harimau/ Udang Putih/ Udang Galah daripada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) (Jika berkaitan) x. Carta organisasi syarikat (Perlu ada jawatan pegawai biosekuriti) 2) Susun atur/ *Layout* Premis/ Syarikat termasuk: xi. Lokasi premis / syarikat xii. Pelan lantai susun atur terperinci / *layout* premis 3) Permohonan lengkap perlu dihantar dalam tempoh 14 hari bekerja sebelum berlakunya pengimportan. Sekiranya kurang dari tempoh tersebut, permohonan tidak akan diproses.

Permohonan Yang Diterima Lengkap	Permohonan yang diterima lengkap. i. Bahagian Kuarantin akan mengeluarkan arahan audit kepada MAQIS Negeri untuk audit dan pemeriksaan dijalankan di premis pemohon.
Permohonan Tidak Lengkap	Pemohon akan dimaklumkan melalui e-mel atau panggilan telefon. Jika tiada sebarang maklum balas, pemohon perlu menghubungi Bahagian Kuarantin, Ibu Pejabat di talian **03-8870 8000** atau e-mel bq@maqis.gov.my bagi menyemak status permohonan.
Pengauditan Premis Pemohon	Pengauditan premis akan dijalankan setelah permohonan yang dihantar lengkap dalam tempoh 5 hari waktu berkerja. Pegawai MAQIS akan menghubungi pemohon bagi tujuan pengauditan premis yang akan dijalankan. Semasa pengauditan dijalankan pemohon perlu ada bersama bagi menandatangani borang pengauditan.
Tidak patuh spesifikasi premis	Bagi permohonan yang **TIDAK PATUH** sewaktu pengauditan dijalankan, pemohon akan menerima surat cadangan penambahbaikan daripada pihak MAQIS negeri. Setelah membuat penambahbaikan, pemohon boleh membuat permohonan semula kepada pihak MAQIS.
Surat Keputusan	Bagi permohonan yang **PATUH** sewaktu pengauditan dijalankan, surat keputusan akan dikeluarkan oleh pihak MAQIS.
Papan tanda	Bagi setiap permohonan premis kuarantin yang baharu, pemohon dikehendaki menyediakan papan tanda premis kuarantin mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam Lampiran 3 (bertiang) atau dilampiran 4 (tidak bertiang). Pemasangan papan tanda ini wajib diselesaikan dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh kelulusan rasmi dikeluarkan oleh MAQIS. Walau bagaimanapun, bagi premis yang diberikan kelulusan sementara dengan tempoh kurang daripada satu (1) tahun, keperluan pemasangan papan tanda ini adalah dikecualikan.

LAMPIRAN 1

SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI PERMOHONAN PENGISYTIHARAN PREMIS KUARANTIN IKAN HIDUP

Bil.	SENARAI DOKUMEN	Tanda (√)	Tanda (x)	Catatan
1.	Surat permohonan rasmi kepada Ketua Pengarah			
2.	Borang Pendaftaran Pengisytiharan Premis Ikan Hidup (MKI-01)			
3.	Salinan kad pengenalan pemohon hadapan dan belakang (salah seorang daripada status pemilikan syarikat di SSM).			
4.	Salinan sijil pendaftaran syarikat (ROC) – SSM Salinan SSM - Status pemilikan syarikat (masih sah tempoh)			
5.	Salinan dokumen status milikan premis / tanah (Geran Tanah)			
6.	Salinan surat perjanjian sewaan / pajakan premis / tanah yang telah disahkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)			
7.	Lesen pendudukan sementara (TOL) yang masih aktif (Jika berkaitan)			
8.	Lesen sistem kultur laut (SKL) yang masih aktif bagi premis sangkar yang diluluskan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) (Jika berkaitan)			
9.	Surat kelulusan bagi pengimportan induk / benih Udang Harimau/ Udang Putih/ Udang Galah daripada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) (Jika berkaitan)			
10.	Carta organisasi syarikat (Perlu ada jawatan pegawai biosekuriti)			
11.	Lakaran ladang /Pelan lakar premis / Lokasi Premis			
12.	Gambar premis kuarantin ikan			

LAMPIRAN 2

BORANG PENDAFTARAN PENGISYTIHARAN PREMIS KUARANTIN IKAN HIDUP

BORANG MKI-01

JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
DEPARTMENT OF QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES (MAQIS)

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD SECURITY MALAYSIA

BORANG PENDAFTARAN PENGISYTIHARAN PREMIS KUARANTIN IKAN HIDUP
REGISTRATION FORM FOR DECLARATION OF FISH QUARANTINE PREMISE

☐ Permohonan Baru ☐ Permohonan *Renew* ☐ Pengurangan / Penambahan Komoditi

Kategori : ☐ Import ☐ Eksport ☐ Lain-lain.....

A) Maklumat Pemohon

1. Nama Pemohon : _____
2. No. Kad Pengenalan : ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐
3. No. Telefon Pejabat : ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐ 4. No Faks. ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐
5. No. Telefon Bimbit : ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐
6. Alamat E-mel : _____
7. Alamat Tempat Tinggal : _____

_____

B) Maklumat Syarikat / Premis

1. No. SSM : _____
2. Nama Premis / Syarikat : _____

_____

(Nama Syarikat / Premis yang akan didaftarkan sebagai Premis Kuarantin

3. Alamat Premis : _____

_____

4. No. Telefon : ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐ 5. No. Faks : ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐
6. Alamat Email (Jika ada) : _____
7. Alamat Surat Menyurat : _____

_____

8. Status Tanah : Sendiri ☐ Pajakan ☐ Sewaan ☐ LPS / TOL ☐ Lain-lain : _____
9. Lokasi Premis / Syarikat : Latitude : _____ Longitude : _____

Keluasan Premis : _____ kaki persegi

Nota:

Senarai semak dokumen pemohon perlu dilampirkan bersama dan senarai semak adalah seperti berikut:

	Ada	Tiada
a) Maklumat Pemohon		
i) Surat Rasmi Permohonan Pengisytiharan Premis Kuarantin Ikan Hidup		
ii) Salinan Kad Pengenalan Pemohon		
b) Maklumat Premis/ Syarikat		
i) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (ROC) - SSM		
ii) Salinan SSM - Status Pemilikan Syarikat		
iii) Salinan Dokumen Status Milikan Premis / Tanah		
iv) Salinan Surat Perjanjian Sewaan / Pajakan Premis / Tanah (Jika berkaitan)		
v) Lesen Pendudukan Sementara (TOL) yang masih aktif (Jika berkaitan)		
vi) Lesen Sistem Kultur Laut (SKL) yang masih akftif bagi premis sangkar yang diluluskan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) (Jika berkaitan)		
vii) Sijil kebenaran ikan larangan daripada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) (jika berkaitan)		
viii) Surat kelulusan bagi pengimportan induk / benih Udang Harimau / Udang Putih / Udang Galah daripada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) (Jika berkaitan)		
ix) Carta organisasi syarikat (Perlu ada jawatan pegawai biosekuriti)		
c) Susun atur/Layout Premis/ Syarikat termasuk: (Lampiran)		
i) Lokasi Premis / Syarikat		
ii) Pelan Lantai Susun atur terperinci / *Layout* Premis		

C) Premis Pengimport (*tidak perlu untuk pengeksport*)

1) Kemudahan

Sistem	Bilangan			Luas
	Simpanan	Kuarantin	Rawatan Air Buangan	
a) Kolam Tanah				
b) Tangki Konkrit				
c) Tangki Simen				
d) Tangki Gentian Kaca				
e) Akuarium				
f) Tangki Kanvas				
g) Sangkar				
h) Lain-lain				

2) Sumber Air		Air Laut		Bekalan Air Domestik
		Bekas Lombong		Bekalan Air Bawah Tanah
		Sungai		Lain-lain (Nyatakan) : _____
3) Rawatan Air Buangan		Rawat		Tidak Dirawat
4) Kaedah Rawatan Air		Sinar UV/Ozon		Bahan Kimia

D) Maklumat Ikan

Bil	Nama Saintifik	Nama Tempatan / *Common Name*	Komoditi cth : CITES /Ikan Larangan /Ikan Hiasan /Benih Ikan /Ikan Air Tawar /Hidupan Akuatik Marin
i			
ii			
iii			
iv			

**Sila lampirkan maklumat tambahan sekiranya berkaitan*

PERAKUAN PEMOHON

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar.

Tandatangan : _____ Cop Syarikat :

Nama : _____ Tarikh :

PENGESAHAN / PENGESYORAN

Premis pengimport / pengeksport ini adalah **DISOKONG / TIDAK DISOKONG** untuk didaftarkan sebagai premis kuarantin.

Ulasan : _____

_____

Pegawai Pemeriksa

Tandatangan : _____

Nama Pegawai : _____
(Cop Rasmi)

Tarikh :

Pegawai Pemeriksa / Pengarah Negeri

Tandatangan : _____

Nama Pegawai : _____
(Cop Rasmi)

Tarikh :

KELULUSAN IBU PEJABAT MAQIS

Premis pengimport / pengeksport ini adalah **DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN** untuk didaftarkan sebagai premis kuarantin.

Tandatangan : _____ Ulasan : _____

_____

Nama Pegawai : _____
(Cop Rasmi)

No. Pendaftaran :

LAMPIRAN 3

SENARAI SEMAK SPESIFIKASI PREMIS KUARANTIN IKAN HIDUP

Bil.	SENARAI SEMAK PREMIS KUARANTIN	Tanda (√)	Tanda (x)	Catatan
	SEKSYEN A : KEPERLUAN ASAS			
1.0	**LOKASI DAN SUSUNATUR PREMIS (PREMISE LOCATION)**			
1.1	Pelan lokasi premis pengimport / pengeksport berserta tunjuk arah yang bersesuaian.			
1.2	Pelan susun atur yang betul bagi mengelakkan berlakunya pemindahan penyakit.			
1.3	Tapak tidak berdekatan dengan panti benih, kemudahan akuakultur, alur air atau kawasan kerap banjir.			
2.0	**KEPERLUAN KAWALAN SPESIS (SPECIES CONTROL REQUIREMENTS)**			
2.1	Bahan rujukan untuk spesis ikan dan Kanun OIE.			
2.2	Senarai spesis ikan.			
3.0	**PENGURUSAN RISIKO DI PREMIS (RISK MANAGEMENT AT PREMISE)**			
3.1	Air ditapis dan dirawat dengan UV light /Klorin /Ozon sebelum digunakan.			
3.2	Air buangan dirawat dengan UV light /Klorin /Ozon sebelum dilepaskan.			
3.3	Ikan mati dikeluarkan dan dilupuskan melalui cara dibakar atau di autoclave atau ditanam.			
3.4	Sistem kawalan perosak bagi memastikan risiko rebakan penyakit disediakan.			
4.0	**KEPERLUAN UMUM (GENERAL REQUIREMENTS)**			
4.1	Menyediakan kawasan khas hanya untuk aktiviti kuarantin import ikan hiasan mengikut kategori.			
4.2	* Menyediakan kawasan digunakan hanya untuk aktiviti eksport ikan hiasan (termasuk semua ikan bersirip dan /atau kerangan). NA Jika Premis Pengimport			
4.3	*Kawasan kuarantin untuk eksport ke Australia berasingan daripada unit kuarantin yang lain. NA Jika Premis Pengimport			
4.4	Kapasiti penyimpanan sepadan dengan kuantiti cadangan, bilangan spesies dan tempoh kuarantin mengikut spesies.			

4.5	Kemudahan kuarantin perlu dilengkapi dengan sistem sokongan untuk komponen penting bagi mengekalkan biosekuriti dan kesihatan simpanan semasa ketiadaan elektrik dan kegagalan mekanikal (Generator).			
5.0	**KEPERLUAN BINAAN DAN PERALATAN KHAS PREMIS IMPORT (SPECIFIC CONSTRUCTION AND EQUIPMENT REQUIREMENTS FOR IMPORT PREMISES)**			
5.1	Bilik kuarantin ataupun unit kuarantin tertutup sepenuhnya dengan dinding bagi mengelakkan pemindahan patogen serta dinding dan lantai yang kedap air dan cukup rata sehingga membolehkan aktiviti pembersihan dan nyahkuman yang mencukupi dilakukan.			
5.2	Pencahayaan perlu mempunyai kadar keamatan cahaya yang mencukupi bagi membolehkan pemeriksaan semua haiwan akuatik dibuat dengan sempurna.			
5.3	Lantai berupaya mengalirkan air limpahan ke perparitan dan terus ke tangki septik atau rawatan kumbahan perbandaran atau tangki simpanan terlinkung atau apa-apa kaedah sistem rawatan yang berkesan untuk nyahkuman penyakit.			
5.4	Tangki dan peralatan berkaitan dilabel dengan sempurna dan jelas. Dan terdapat papantanda yang jelas bagi bilik kuarantin.			
5.5	Tangki mempunyai kadar kebolehlihatan yang jelas.			
5.6	Mempunyai kemudahan sterilisasi peralatan yang bersentuhan dengan ikan atau air tangki semasa tempoh kuarantin.			
5.7	Menyediakan kemudahan mencuci tangan dan pencelup kaki pekerja disediakan.			
5.8	Semua air daripada luar negara perlu dinyahkuman dengan sodium hypoclorite(a) Kepekatan klorin akhir > 200 ppm (200 mg/L) sebelum dilepaskan daripada kawasan kuarantin.			
5.9	Kemudahan tandas teratur dan diselenggara dengan baik.			
5.10	Kemudahan basmi kuman bagi kenderaan jika keluar/masuk ke dalam ladang/premis.			
5.11	Semua unit dan kemudahan kuarantin mesti mempunyai			

	peralatan sendiri bagi mengelakkan pencemaran silang antara setiap unit kuarantin.			
6.0	**PENGENDALIAN IKAN (HANDLING OF AQUATIC ANIMALS)**			
6.1	Ikan tidak disimpan di dalam air yang sama dengan ikan koi dan ikan makan (termasuk untuk tujuan perikanan rekreasi) dan setiap tangki simpanan ikan air tawar hanya mengandungi spesies tunggal, dan mesti terasing daripada haiwan daripada penghantaran yang lain.			
6.2	Setiap tangki yang digunakan menyimpan ikan laut boleh mengandungi spesies berbeza tetapi hanya daripada penghantaran yang sama.			
6.3	Setiap tangki kuarantin ikan hiasan air tawar/induk/benih yang diimport tidak boleh mengandungi spesis berbeza daripada penghantaran import yang sama.			
SEKSYEN B : KEPERLUAN PREMIS EKSPORT / ANGKUT				
7.0	**KEMUDAHAN PEMBUNGKUSAN (PACKING FACILITIES)**			
7.1	Kawasan Pembungkusan – berbumbung dikawasan kemudahan pembungkusan (beg plastik / bag pembungkus dan tangki oksigen).			
7.2	Kemudahan penyimpanan air untuk pembungkusan adalah berbumbung.			
7.3	Beg Plastik/Kotak Pembungkusan: Plastik beg baru dan kotak pembungkusan baru digunakan bagi membungkus dan disimpan pada platform berbumbung yang ditinggikan, jauh daripada kawasan basah.			
7.4	Tiada haiwan dan burung, selain daripada ikan hiasan dibenarkan disimpan dikawasan pembungkusan.			

LAMPIRAN 4

PAPAN TANDA BERTIANG



SPESIFIKASI TERPERINCI:

Bahan Papan Tanda:

- Papan tanda hendaklah menggunakan **Aluminium Composite Panel (ACP)** atau **Acrylic**.

Kerangka (Frame):

- Kerangka berongga (**Hollow Frame**) bersaiz **1 inci x 1 inci x 1.2 mm** perlu digunakan.

Logo:

- Kedua-dua logo hendaklah bersaiz **12 inci x 12 inci** dengan format **PNG**.

Tiang Sokongan:

- Gunakan dua tiang jenis **Hollow Square** bersaiz **3 inci x 2 inci x 1.8 mm**, dengan ata ta **6 kaki** dari aras tanah.
- Tiang perlu ditanam ke dalam tanah sedalam **1 kaki** dan diperkukuhkan dengan **concrete bar**.

Garisan Tepi:

- Pastikan garisan tepi papan tanda berukuran **3 inci** tebal dan menggunakan warna kod **#028A0F**.

Jenis dan Saiz Fon:

- Gunakan jenis fon **Arial Bold** dengan saiz **140pt**.

Latar Belakang dan Pelekat:

- **Pelekat reflektif silver** mesti digunakan sebagai latar belakang.
- **Pelekat reflektif hijau** digunakan untuk garisan tepi.
- **Pelekat dengan kemasan matte** digunakan untuk tulisan, nombor, dan logo.

Kaedah Sambungan dan Pemasangan:

- Papan tanda perlu disambung menggunakan **bolt dan ata tau** melalui **kimpalan**.
- Semua **bolt** dan **nat** mesti diperbuat daripada **besi lembut (M.S)** yang telah **digalvani**.

Maklumat Kelulusan dan Tempoh Sah:

- Maklumat **No. Kelulusan** dan **Tempoh Sah** mesti dipaparkan menggunakan **Frame Partition Acrylic Slot**.

LAMPIRAN 5

PAPAN TANDA TIDAK BERTIANG



SPESIFIKASI TERPERINCI:

Bahan Papan Tanda:

- Gunakan **Aluminium Composite Panel (ACP)** atau **Acrylic** sebagai bahan utama untuk papan tanda.

Kerangka (Frame):

- Gunakan kerangka berongga (**Hollow Frame**) bersaiz **1 inci x 1 inci x 1.2 mm**.

Logo:

- Kedua-dua logo perlu berukuran **12 inci x 12 inci** dan menggunakan format **PNG**.

Garisan Tepi:

- Pastikan garisan tepi berukuran **3 inci** tebal dan menggunakan warna dengan kod **#028A0F**.

Jenis dan Saiz Fon:

- Gunakan jenis fon **Arial Bold** dengan saiz **140pt**.

Latar Belakang dan Warna Pelekat:

- Gunakan **pelekat reflektif silver** sebagai latar belakang.
- **Pelekat reflektif hijau** digunakan untuk garisan tepi.
- **Pelekat dengan kemasan matte** digunakan untuk tulisan, nombor, dan logo.

Kaedah Pemasangan:

- Papan tanda mesti dipasang menggunakan **bolt** dan **nat** pada setiap penjuru.
- Semua **bolt** dan **nat** perlu diperbuat daripada **besi lembut (M.S)** yang telah **digalvani**.

Maklumat Kelulusan dan Tempoh Sah:

- Maklumat **No. Kelulusan** dan **Tempoh Sah** mesti dipaparkan menggunakan **Frame Partition Acrylic Slot**.